

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN CALON KONSTABEL ORANG ASLI PDRM-JAKOA
TAHUN 2016
DI DEWAN SERBAGUNA KKLW
25 OGOS 2016
WAKTU KETIBAAN: 2.45 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

SALUTASI – akan dimaklumkan

1. Syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu di Majlis Penyerahan Calon Konstabel Orang Asli PDRM-JAKOA Tahun 2016 untuk meraikan calon-calon konstabel Orang Asli yang berjaya untuk menjalani latihan asas sebagai anggota PDRM.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut hadir bersama-sama dalam majlis ini dan dapat bertemu dengan calon-calon konstabel Orang Asli ini.
3. Untuk makluman, majlis pada hari ini diadakan untuk meraikan seramai 130 orang calon konstabel Orang Asli yang akan menjalani latihan asas selama 6 bulan di Pusat Latihan Gerakan Am Ulu Kinta, Ipoh, Perak. Setelah tamat latihan, mereka akan ditempatkan di lokasi tugas masing-masing sama ada di Batalion 3, Bidor, Perak atau di Batalion 18, Pengkalan Hulu, Gerik, Perak.
4. Saya difahamkan bahawa ini merupakan pengambilan yang ke-3 untuk konstabel Orang Asli PDRM. Pengambilan ke-2 sebelum ini telah diadakan pada bulan februari tahun 2013.
5. Tahun ini melakar sejarah baru dalam pengambilan konstabel Orang Asli apabila 20 daripada 130 calon konstabel Orang Asli ini merupakan wanita. Ini merupakan pengambilan konstabel Orang Asli wanita yang pertama dilakukan oleh PDRM untuk memenuhi keperluan semasa di batalion yang berkenaan. Pihak PDRM juga akan meneruskan pengambilan konstabel wanita Orang Asli jika kumpulan pertama ini berjaya menamatkan latihan dan berkhidmat bersama PDRM.
6. Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada calon-calon yang diraikan pada hari ini kerana saya difahamkan bahawa seramai 800 Orang Asli telah hadir dalam eksesais temuduga yang bermula daripada 28 Mac sehingga 4 April 2016. Daripada jumlah tersebut, 241 orang telah berjaya melepasi eksesais temuduga tersebut dan hanya 130 calon yang terbaik telah dipilih untuk mengikuti latihan pada tahun ini.
7. Calon-calon daripada negeri Perak mencatat jumlah pengambilan yang tertinggi apabila 38 calon lelaki dan kesemua 20 calon wanita telah terpilih. Pecahan calon-calon konstabel Orang Asli dari semua negeri ialah Selangor

(7 orang), Negeri Sembilan (5 orang), Johor (24 orang), Pahang (28 orang) dan Kelantan (8 orang).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pihak kementerian melalui JAKOA amat memberi penekanan terhadap peningkatan kerjaya dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, salah satu tujuan Program Konstabel Orang Asli PDRM ini diadakan adalah untuk mengurangkan jumlah pengangguran. Ini dapat dibuktikan apabila kementerian melalui JAKOA menanggung kos sebanyak RM2,182.60 untuk setiap seorang calon yang berjaya pada hari ini. Selain itu, elaun Pra Kerjaya sebanyak RM500 setiap seorang turut diberikan sebagai bantuan untuk memulakan latihan bersama PDRM. Secara keseluruhannya kementerian melalui JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM348,738.00 untuk menjayakan program ini.
9. Selain itu, pelbagai program lain sedang dilaksanakan oleh JAKOA demi memastikan peluang kerjaya untuk masyarakat Orang Asli semakin dipertingkatkan. Selain daripada program-program pendidikan, kementerian juga memberi fokus terhadap program-program meningkatkan kemahiran vokasional dalam kalangan belia dan beliawanis Orang Asli. Sehingga kini, kita telah melatih seramai 1,797 belia Orang Asli dalam Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Daripada jumlah tersebut seramai 984 belia telah berjaya mendapat pekerjaan dan memperolehi pendapatan bermula dari RM900 sehingga RM5,000.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Kementerian amat memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya terhadap pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh kerana itu langkah-langkah memperkemaskan hubungan serta kerjasama dengan rakan sinergi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia akan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Peranan agensi dan jabatan di bawah kementerian seperti MARA dan KEMAS akan terus dilibatkan untuk meningkatkan lagi akses pendidikan kepada masyarakat Orang Asli secara berterusan.
11. Demi membantu masyarakat Orang Asli mendapatkan pendidikan yang sepatutnya, kementerian telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM13.79 juta untuk pengangkutan dan RM4.5 juta untuk wang saku demi memastikan kelancaran pengurusan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kementerian juga memandang serius mengenai isu keciciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh kerana itu kementerian telah menetapkan supaya JAKOA memberi fokus kepada penurunan kadar keciciran terutamanya daripada sekolah rendah ke sekolah menengah. Oleh yang demikian, peratusan kadar keciciran juga telah menurun pada tahun 2016 iaitu sebanyak 17.19% berbanding 20% pada tahun 2015.
13. Walaubagaimanapun, sasaran ini perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya daripada ibu bapa dan juga guru-guru. Bagi memastikan sasaran ini berjaya dicapai, JAKOA telah mengatur pelbagai aktiviti dan program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dikalangan ibu bapa dan pelajar-pelajar mengenai kepentingan pendidikan. Antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang dianjurkan JAKOA ialah kelas-kelas motivasi, Program Mesra Minda dan Program Mesra Didik.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya percaya dengan pelan pendidikan yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran insaniah, sikap dan akhlak mampu melahirkan insan yang mempunyai ilmu dan berkemahiran tinggi. Individu yang mempunyai sikap, pemikiran dan jati diri yang tinggi mampu menawan dunia.
15. Percayalah, masyarakat Orang Asli boleh menguasai peringkat global jika kita berada pada pemikiran, kefahaman dan halatuju kehidupan yang jelas dan betul. Anak-anak masyarakat Orang Asli terutamanya di luar bandar dan pedalaman perlu diasuh melalui sistem pendidikan terbaik dan jadikan mereka insan baru yang akan mengubah corak kehidupan masyarakat Orang Asli.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua calon-calon konstabel Orang Asli PDRM yang berjaya diterima untuk mengikuti latihan asas bersama Pasukan Gerakan Am PDRM. Saya ingin berpesan kepada semua calon-calon untuk terus mengekalkan semangat “senoi praaq” dalam diri masing-masing bagi menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai masyarakat yang berjaya di negara ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyerahan Calon Konstabel Orang Asli PDRM-JAKOA Tahun 2016. Sekian, terima kasih.